

21 JUL 1999

PPP-Sokong

PEMUDA PPP IKRAR KERJA KERAS DEMI KEMENANGAN BARISAN NASIONAL

KUALA LUMPUR, 21 Julai (Bernama) -- Pemuda Parti Progresif Penduduk (PPP) berikrar akan bekerja keras bagi memastikan Barisan Nasional mendapat majoriti dua pertiga dalam pilihan raya umum akan datang.

Ketuanya T. Murugiah berkata perkara itu disampaikan semasa pertemuan beliau dengan Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein hari ini.

"Hishammuddin telah berjanji bahawa beliau akan bekerjasama penuh dengan kami dan menasihatkan kami menggerakkan jentera pilihan raya kami," katanya kepada Bernama di sini.

Mesej itu akan disebarakan kepada anggota parti manakala pusat-pusat operasi akan ditubuhkan untuk bersiap sedia bagi pilihan raya, katanya.

Beliau berkata Pemuda PPP memberikan sokongan penuh kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan akan membantu calon BN tanpa mengira sama ada PPP diperuntukkan sebarang kerusi untuk bertanding pada pilihan raya nanti.

Murugiah turut menasihatkan agar Hishammuddin menghentikan perbalahannya dengan Ketua Pemuda PAS Mahfuz Omar berhubung cadangan debat politik di rangkaian televisyen antarabangsa.

"Kami memberitahu beliau agar lupakan sahaja mengenai Mahfuz Omar dan berikan tumpuan terhadap agenda BN demi masa depan negara," katanya.

-- BERNAMA

MAM RHM MAI